

**KAJIAN RINTIS KEFAHAMAN ILMU PERBANDINGAN AGAMA DALAM  
KALANGAN MAHASISWA DI INSTITUT PENGAJIAN TINGGI AWAM DI  
NEGERI SELANGOR**

Norsaadah Din@ Mohamad Nasirudin, Aemy Elyani Mat Zain  
Nazneen Ismail, Maryam Habibah Kamis  
norsaadah@kuis.edu.my, aemyelyani@kuis.edu.my, nazneen@kuis.edu.my  
Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor, KUIS

**ABSTRAK**

Kajian rintis ini dijalankan bagi menentukan kebolehpercayaan instrumen yang digunakan. Ia telah dijalankan bermula 26 Mac sehingga 6 April 2018. Seramai 55 orang responden daripada mahasiswa UKM telah dipilih secara *sampel rawak*. Dalam kajian ini, nilai pekali *Alpha Cronbach* adalah berdasarkan kepada klasifikasi indeks kebolehpercayaan yang dikemukakan oleh Babbie (1992). Nilai pekali yang dikemukakan oleh Babbie (1992) adalah lebih jelas dan menggunakan skala yang lebih kecil untuk penentuan bagi setiap indikator sama ada rendah, sederhana, tinggi dan sangat tinggi. Tiga bahagian instrumen dalam soal selidik iaitu bahagian A pengetahuan tentang ilmu perbandingan agama, bahagian B kefahaman mahasiswa berkaitan isu-isu perbandingan agama dan bahagian C iaitu penghayatan mahasiswa berkaitan ilmu perbandingan agama. Hasil analisis nilai kebolehpercayaan instrumen yang digunakan dalam kajian ini mendapati pengetahuan ilmu perbandingan agama, *Alpha Cronbach* ialah 0.9. Ini bermakna interprestasinya adalah sangat tinggi. Bahagian B pula iaitu mengenai kefahaman mahasiswa juga *Alpha Cronbach* ialah 0.9. Ini bermakna interprestasinya juga adalah sangat tinggi. Terakhir pada bahagian C pula mengenai penghayatan mahasiswa. *Alpha Cronbach* ialah 0.889. Ini bermakna interprestasinya adalah tinggi. Kesimpulan dari kajian rintis ini, instrument soal selidik ini boleh dijalankan untuk kajian lapangan iaitu ke tiga-tiga universiti awam di Selangor.

**Kata kunci:** Kefahaman, ilmu perbandingan agama, mahasiswa IPTA, Selangor.

## **1.0 PENGENALAN**

Perasaan ingin bertuhan atau kebutuhanan adalah antara fitrah yang terdapat dalam diri insan. Ia wujud seiring dengan penciptaan manusia itu sendiri dan berkembang seiring dengan perkembangan zaman. Maka, kepelbagaian cara berfikir dan kepercayaan ini telah menimbulkan pelbagai polemik antara manusia contohnya antara kaum Muslimin dengan Kristian dalam isu seperti kepercayaan kepada Jesus, kenabian Rasulullah SAW dan kedudukan bible sebagai wahyu (Al-Mubarakfuri, 2005). Kegagalan memahami perbezaan pandangan dalam agama boleh menimbulkan masalah lain seperti penolakan terhadap ilmu perbandingan agama seperti yang berlaku di Malaysia apabila kehadiran Sheikh Ahmed Deedat, tokoh perbandingan agama pada 1992 menjadi pertikaian dalam kalangan masyarakat (Rafiq Ahmad et al., 2015). Hal yang sama berlaku kepada Dr. Zakir Naik yang datang memberi syarahan di Malaysia pada tahun 2016 telah disalah tafsir sebagai usaha memecahbelahkan masyarakat (Sofian Baharum, 2016; Israr Khalid, 2016; Utusan Melayu, 2017).

Perkara ini jika tidak ditangani dengan baik secara ilmiah dikhuatiri boleh mengundang kepada keganasan seperti yang berlaku kepada Muslim Ambon di Indonesia dan Muslim Rohingya di Myanmar. Atas kebimbangan ini, maka pelbagai kajian turut dilakukan oleh institusi-institusi pengajian tinggi awam mahupun swasta dan juga agensi-agensi lain bagi meneliti dan menganalisis indikator setiap kajian yang dilakukan. Salah satunya kajian yang menumpukan kajian kuantitatif mengenai hubungan antara agama yang menumpukan golongan yang berumur antara 15 hingga 60 tahun di sekitar Semenanjung Malaysia, Sabah dan Sarawak yang terdiri daripada Muslim mahupun bukan Muslim (Azizan Baharuddin et al., 2014). Kajian ini menumpukan kajian terhadap pengetahuan, prejudis dan persepsi golongan ini terhadap hubungan antara agama. Bahkan, kajian lain yang menumpu kepada toleransi beragama pula turut dilakukan yang menumpukan kalangan mahasiswa/i Muslim dan Buddha di Thailand (Mutsalim Khareng et al., 2014). Kajian ini bersifat kualitatif dan kuantitatif yang mengkaji sikap dan persepsi mahasiswa/i terhadap toleransi beragama.

Secara umum kelihatan aspek kajian terdahulu iaitu hubungan antara agama (Azizan Baharuddin et al., 2014) dan kajian toleransi beragama (Mutsalim Khareng et al., 2014) mempunyai persamaan dengan kajian yang dilakukan dalam kajian ini iaitu mengenai ilmu perbandingan agama. Pada hemat pengkaji, jika seseorang itu faham terhadap disiplin ilmu perbandingan agama maka toleransi dalam agama dan hubungan antara agama akan jelas.

Maka artikel rintis yang bertajuk kefahaman ilmu perbandingan agama dalam kalangan mahasiswa institut pengajian tinggi awam negeri Selangor dilakukan bagi menjawab persoalan yang ditimbulkan. Antara persoalan-persoalan kajian iaitu:

- a) Sejauhmana tahap kefahaman mahasiswa IPTA negeri Selangor terhadap konsep perbandingan agama?
- b) Apakah perbezaan kefahaman konsep perbandingan agama kalangan mahasiswa IPTA negeri Selangor berdasarkan demografi?

Oleh itu, satu kajian yang terperinci mengenai kefahaman ilmu perbandingan agama dalam kalangan mahasiswa di institut pengajian tinggi awam di negeri Selangor sangat diperlukan untuk dikupas dan dikaji.

### **1.1 Objektif Kajian**

Objektif kajian ini adalah:

- i. Menenal pasti tahap kefahaman mahasiswa IPTA negeri Selangor terhadap konsep perbandingan agama.
- ii. Menenal pasti perbezaan kefahaman konsep perbandingan agama kalangan mahasiswa IPTA negeri Selangor berdasarkan demografi.

### **1.2 METODOLOGI KAJIAN**

Kajian ini berbentuk kajian kes di lapangan, manakala reka bentuk kajian ini adalah kuantitatif dengan menggunakan instrumen soal selidik. Kaedah kajian kuantitatif pula melalui pengedaran borang soal selidik kepada 55 orang responden daripada mahasiswa Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) telah dipilih secara sampel rawak. Pendekatan kesahan kandungan akan digunakan, iaitu dua orang pakar dalam bidang berkaitan perbandingan agama akan diminta mengesahkan konstruk soal selidik yang telah dibangunkan oleh para penyelidik.

## **2.0 DEFINISI PERBANDINGAN AGAMA**

Istilah perbandingan agama, atau dalam bahasa Inggeris *comparative religion*, dan bahasa Arab pula disebut *muqarannah al-adyan* merupakan istilah-istilah yang berbeza tetapi mempunyai makna yang sama iaitu ilmu tentang perbezaan dan persamaan antara agama-agama (Aemy Elyani Mat Zain , Nur Azimah Abdul Aziz, 2017). Mukti Ali menjelaskan bahawa perbandingan agama adalah salah satu cabang ilmu pengetahuan yang berusaha untuk memahami gejala-gejala keagamaan dari suatu kepercayaan (agama) dalam hubungannya dengan agama lain (Pulungan, 2014). Perbandingan agama menurut Taslim (2011) ialah kajian tentang agama-agama dan kemanusiaan bukan kajian tentang benda. Menurut Fazlur Azdi (2017), ilmu kajian agama adalah sebuah ilmu yang mandiri. Sifat perbahasan ilmu kajian agama juga adalah fleksibel yang membolehkannya menembusi disiplin-disiplin ilmu yang lain. Ilmu kajian agama juga adalah ilmu yang membahaskan berkenaan aspek-aspek dalam agama seperti sejarah, kepercayaan, amalan dan akhlak.

### **2.1 Sumber Perbandingan Agama**

Sumber perbandingan agama yang utama adalah al-Quran. Al-Qur'an merupakan kitab wahyu yang diturunkan kepada umat manusia setelah kitab Zabur, Taurat, dan Injil. Kesemua kitab dapat disifatkan sebagai bentuk dialog Allah SWT kepada umat manusia menerusi perantaraan para Nabi dan Rasul. Bahkan dalam kesemua kitab samawi tersebut memuatkan pelbagai perintah dari Allah SWT samada berbentuk suruhan atau larangan. Kemudian sumber kedua perbandingan agama ialah hadis. Hadis didefinisikan sebagai segala sesuatu yang datang dari Nabi SAW, samada berupa perkataan, perbuatan, persetujuan, ataupun sifat. Kemudian perbandingan agama dikembangkan pula oleh tokoh-tokoh Islam yang terkemuka seperti al-Biruni, Ibnu Hazm, Al-Shahrastani, Rahmatullah al-Kairanawi, Ismail Raji al-Faruqi dan Ahmed Hoosen Deedat. Oleh yang demikian, subtopik di bawah akan menjelaskan secara terperinci mengenai sumber-sumber perbandingan agama.

#### **2.1.1 Al-Quran**

Dalam tradisi Islam, perbahasan dan perbincangan tentang agama dan ideologi telah dibincangkan dalam kitab suci al-Quran. Ia bersesuaian dengan kedudukannya sebagai sebuah kitab pedoman dakwah kepada manusia keseluruhannya. Al-Quran banyak

menjelaskan tentang agama Yahudi dan Kristian yang merupakan dua agama besar dalam persekitaran permulaan Islam sepertimana firman Allah:

وَإِذَا قِيلَ لَهُمْ ءَامِنُوا كَمَا ءَامَنَ النَّاسُ قَالُوا أَنُؤْمِنُ كَمَا ءَامَنَ السُّفَهَاءُ ۗ أَلَا إِنَّهُمْ هُمُ السُّفَهَاءُ وَلٰكِن لَّا يَعْلَمُونَ ﴿١٣﴾

Maksudnya: Dan apabila dikatakan kepada mereka: "Berimanlah kamu sebagaimana orang-orang itu telah beriman". mereka menjawab: "Patutkah Kami ini beriman sebagaimana berimannya orang-orang bodoh itu?" Ketahuilah! Sesungguhnya merekalah orang-orang yang bodoh, tetapi mereka tidak mengetahui (hakikat yang sebenarnya).

(Al-Quran, al-Baqarah 2: 113)

Selain itu juga, al-Quran juga membahaskan mengenai aspek ketuhanan dalam surah al-Ma'idah berdasarkan firman Allah:

﴿ يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا لَا تَتَّخِذُوا الْيَهُودَ وَالنَّصْرَىٰ أَوْلِيَاءَ ۚ بَعْضُهُمْ أَوْلِيَاءُ بَعْضٍ ۚ وَمَن يَتَوَلَّهُمْ مِنكُمْ فَإِنَّهُ مِنَّهُمْ ۗ إِنَّ اللَّهَ لَا يَهْدِي الْقَوْمَ الظَّالِمِينَ ﴿٥١﴾

Maksudnya: Wahai orang-orang yang beriman! janganlah kamu mengambil orang-orang Yahudi dan Nasrani itu sebagai teman rapat, kerana setengah mereka menjadi teman rapat kepada setengahnya yang lain; dan sesiapa di antara kamu yang menjadikan mereka teman rapatnya, maka Sesungguhnya ia adalah dari golongan mereka itu mereka itu. Sesungguhnya Allah tidak memberikan petunjuk kepada kaum yang berlaku zalim.

(Al-Quran, al-Ma'idah 5: 51)

Firman Allah:

﴿ مَا كَانَ إِبْرَاهِيمَ يَهُودِيًّا وَلَا نَصْرَانِيًّا وَلٰكِن كَانَ حَنِيفًا مُّسْلِمًا وَمَا كَانَ مِنَ الْمُشْرِكِينَ ﴿٦٧﴾

Maksudnya: Bukanlah Nabi Ibrahim itu seorang pemeluk agama Yahudi, dan bukanlah ia seorang pemeluk agama Kristian, tetapi ia seorang Yang tetap di atas dasar Tauhid sebagai seorang Muslim (yang taat dan berserah bulat-bulat kepada Allah), dan ia pula bukanlah dari orang-orang musyrik.

(Al-Quran, al-Imran 3: 67).

Oleh yang demikian, ini menunjukkan bahawa al-Quran banyak memperkatakan tentang aspek perbandingan agama.

### 2.1.2 Hadis

Baginda SAW turut menggunakan pendekatan perbandingan agama dalam kegiatan dakwahnya kepada mereka yang beragama Islam dan bukan Islam. Contoh ini boleh dilihat melalui surat dakwahnya kepada Kaisar Rom yang menggunakan kisah Nabi Isa dan ibunya Maryam AS dalam mendekatkan perasaan antara umat Islam dan Kristian (Muhammad Ibn Tulun, 1987). Malah, terdapat beberapa contoh lain seperti dalam hadis Baginda SAW yang menyebutkan secara perbandingan antara agama Islam dan agama samawi yang lain contohnya dalam isu akidah, sahur, azan, syiar-syiar Islam dan banyak lagi. Kesemua ini dilakukan untuk menjelaskan ajaran Islam kepada umat dan menonjolkan sisi berbeza yang dianuti dan diamalkan oleh pengikut-pengikut agama lain yang bercanggah dan berbeza dengan agama Rabbani ini. Hakikatnya, kesemua ini dilakukan oleh Baginda SAW dengan satu tujuan yang murni iaitu untuk menjelaskan kebenaran Islam daripada kebatilan ajaran-ajaran lain selain daripada Islam.

عَنْ عَمْرِو بْنِ الْعَاصِ قَالَ قَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ فَضْلُ مَا بَيْنَ صِيَامِكُمْ وَبَيْنَ صِيَامِ أَهْلِ الْكِتَابِ أَكْلَةُ السَّحْرِ

Maksudnya: Dari Amru Ibn al-As RA, berkata Rasulullah SAW: Perbezaan antara puasamu dan puasa Ahli Kitab adalah memakan sahur. Dalam Sunan Abi Daud, (1997, hadis no. 498, jil. 1, hal. 239-240) diriwayatkan perbandingan antara kaedah agama-agama lain dalam memanggil para pengikutnya untuk beribadat:

عَنْ أَبِي عُمَيْرٍ بْنِ أَنَسٍ عَنْ عُمُومَةٍ لَهُ مِنَ الْأَنْصَارِ قَالَ اهْتَمَّ النَّبِيُّ - صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ - لِلصَّلَاةِ كَيْفَ يَجْمَعُ النَّاسَ لَهَا فَقِيلَ لَهُ انْصِبْ رَأْيَةَ عِنْدَ حُضُورِ الصَّلَاةِ فَإِذَا رَأَوْهَا آذَنَ بَعْضُهُمْ بَعْضًا فَلَمْ يُعْجِبْهُ ذَلِكَ قَالَ فَذَكَرَ لَهُ الْقَنْعُ - يَعْنِي «هُوَ مِنْ أَمْرِ الْيَهُودِ» الشُّبُورُ - وَقَالَ زِيَادُ شُبُورِ الْيَهُودِ فَلَمْ يُعْجِبْهُ ذَلِكَ وَقَالَ هُوَ مِنْ أَمْرِ النَّصَارَى « قَالَ فَذَكَرَ لَهُ النَّاقُوسُ فَقَالَ

Maksudnya: Dari Abu Umair bin Anas dari sebahagian pakciknyanya dari kaum Ansar, dia berkata; Nabi SAW sangat mementingkan perkara salat, bagaimana cara mengumpulkan orang-orang untuk mengerjakan salat. Maka dikatakan kepada baginda; Tegakkanlah bendera ketika waktu salat telah tiba. Apabila mereka melihatnya, maka sebahagian akan memberitahukan yang lainnya. Namun cadangan itu tidak disukainya. Disebutkan juga kepada beliau, trompet, kata Ziyad; Trompet adalah (simbol) Yahudi, pendapat ini juga tidak disukai baginda, baginda bersabda: Itu termasuk perbuatan orang Yahudi. Disebutkan pula

kepada baginda SAW supaya memakai loceng, baginda bersabda: Itu perbuatan orang Nasrani.

### **2.1.3 Ilmuwan Islam Dalam Ilmu Perbandingan Agama**

Ahmad Shalabi berkata ‘orang Islam adalah yang paling awal untuk menyumbang pembangunan intelektual dalam disiplin ini kerana banyak agama bukan Islam yang lain menafikan dan mengutuk kewujudan agama lain (Mohd Fazrul et al., 2017). Ini jelas dilihat sejak daripada sejarah kegemilangan Islam, tokoh-tokoh seperti Abu Rayan al-Biruni, Abu al-Karim al-Shahrastani, Abu Muhammad Ali bin Ahmad bin Sa’id bin Hazm atau dikenali sebagai Ibnu Hazm, al-Kairanawi dan lain-lain merupakan tokoh ilmuan dalam bidang perbandingan agama. Masing-masing meninggalkan karya-karya yang penting dalam penulisan antaranya Ibnu Hazm pula dalam karyanya *al-Fasl fi al-Milal wa al-Ahwa wa al-Nihal* merupakan karya penting dalam agama perbandingan, yang pertama mengkaji secara sistematik mengenai doktrin agama Islam, Yahudi dan Kristian.

Al-Shahrastani pula dengan karyanya; *al-Milal wa al-Nihal* yang membincangkan pandangan mengenai semua agama dan falsafah yang wujud sehingga masa beliau hidup. Buku ini merupakan salah satu kajian sistematik yang paling awal tentang agama-agama di dunia. Di samping itu juga, al-Kairanawi dalam karyanya *Izharul Haq* membincangkan isu-isu dalam perbandingan agama dan usaha-usaha umat Islam di India yang sangat berpengaruh dalam mengekang Misionaris Kristian ketika era penaklukan Inggeris dan pemerintahan India. Tokoh-tokoh ini datangnya pada zaman pertengahan Islam. Ilmu dan disiplin perbandingan agama ini tidak terhenti di situ sahaja bahkan terus bersambung oleh generasi baru atau kontemporari antaranya, Ismail Raji al-Faruqi dan Ahmed Hoosen Deedat (Aemy Elyani & Nur Azimah, 2017).

Para orientalis bukan Muslim turut mengiktiraf ilmu perbandingan agama sebagai sumbangan Islam kepada dunia. Misalnya, Adam Metz (1869-1917) dalam *The Renaissance of Islam* yang mengakui kesuburan toleransi beragama dalam Islam adalah hasil daripada ilmu ini. Begitu juga Professor Franz Rosenthal (1914-2003) yang mengiktiraf sumbangan Islam dalam bidang ini. (Lawrence, 1976) Professor Emeritus Eric John Sharpe (1933 – 2000) pula mengangkat Kitab *al-Milal wa al-Nihal* oleh Imam al-Shahrastani sebagai kitab pertama dalam sejarah dunia yang mengumpulkan sejarah agama (Sharpe, 1986).

## 2.2 Isu-Isu Dalam Perbandingan Agama

Perbahasan tentang perbandingan agama dibahagikan kepada empat aspek iaitu aspek ketuhanan, kemanusiaan, toleransi agama dan dialog antara agama. Oleh itu para penyelidik akan menerangkan perincian tentang keempat-empat aspek di bawah.

### 2.2.1 Ketuhanan

Al-Quran dalam membahaskan aspek-aspek keagamaan memberikan tumpuan terhadap elemen-elemen ketuhanan. Al-Quran amat menekankan konsep keesaan Allah SWT berasaskan penekanan yang dikemukakan dalam perbahasan-perbahasannya. Justeru, al-Quran berhujah dengan agama-agama lain bagi membuktikan keesaan Allah SWT dengan pelbagai bentuk penghujahan. Firman Allah:

وَأَخَذُوا مِنْ دُونِهِ ءِالِهَةً لَّا تَخْلُقُونَ شَيْئًا وَهُمْ يُخْلَقُونَ وَلَا يَمْلِكُونَ لِأَنْفُسِهِمْ ضَرًّا وَلَا نَفْعًا وَلَا يَمْلِكُونَ مَوْتًا وَلَا حَيٰوةً وَلَا نُشُورًا ﴿٢٥﴾

Maksudnya: Dan mereka (yang kafir) mengambil benda-benda yang lain dari Allah sebagai tuhan-tuhan, yang tidak dapat mencipta sesuatu pun, bahkan benda-benda itu diciptakan (oleh penyembah-penyembahnya dari bahan-bahan di bumi); dan benda-benda itu pula tidak berkuasa mendatangkan sesuatu bahaya atau sesuatu faedah untuk dirinya sendiri; dan tidak berkuasa mematikan atau menghidupkan, atau pun membangkitkan hidup semula makhluk-makhluk yang telah mati.

(al-Quran, al-Furqan, 25: 3)

Ini menunjukkan bahawa perbahasan mengenai aspek ketuhanan yang diberikan tumpuan oleh Islam ialah penafian terhadap kepelbagaian tuhan dan penafian terhadap kuasa selain Tuhan.

قُلْ يٰٓأَهْلَ الْكِتٰبِ تَعٰلَوْٓآ اِلٰى كَلِمَةٍ سَوَآءٍ بَيْنِنَا وَبَيْنِكُمْ اَلَّا نَعْبُدَ اِلَّا اَللّٰهَ وَلَا نُنۡشِرَكَ بِهٖ شَيْئًا وَلَا يَتَّخِذَ بَعْضُنَا بَعْضًا اَرْبَابًا مِّنۡ دُونِ اللّٰهِ فَاِنۡ تَوَلَّوْٓا۟ فُقُوۡلُوۡا اَشۡهَدُوۡا بِاَنَّا مُسۡلِمُوۡنَ ﴿٦٤﴾

Maksudnya: Katakanlah (Wahai Muhammad): "Wahai ahli kitab, marilah kepada satu kalimah Yang bersamaan antara Kami Dengan kamu, iaitu kita semua tidak menyembah melainkan Allah, dan kita tidak sekutukan dengannya sesuatu jua pun; dan jangan pula sebahagian dari kita mengambil akan sebahagian Yang lain untuk dijadikan orang-orang Yang dipuja dan didewa-dewakan selain dari Allah". kemudian jika mereka (Ahli Kitab itu) berpaling (enggan menerimanya) maka Katakanlah kepada mereka: "Saksikanlah kamu Bahawa Sesungguhnya Kami adalah orang-orang Islam".

(Al-Quran, Ali Imran 3: 64)



### 2.2.2 Kemanusiaan

Umat Islam tidak hanya dilihat cemerlang dalam konteks hubungannya dengan penciptaNya, tetapi juga cemerlangnya umat Islam itu dengan terbinanya hubungan sesama manusia. Ini kerana al-Quran begitu jelas menerangkan tujuan penciptaan manusia ke dunia ini bukan sahaja sebagai hambaNya tetapi juga sebagai khalifah di muka bumi ini. Firman Allah SWT

وَمَا خَلَقْتُ الْجِنَّ وَالْإِنْسَ إِلَّا لِيَعْبُدُونِ ﴿٥٦﴾

Maksudnya: ‘Dan Aku tidak menciptakan jin dan manusia melainkan supaya mereka menyembahKu’

(al-Quran, Az-Zariyat 51: 56).

Seterusnya, Allah SWT juga berfirman pada surah yang berbeza mengenai tujuan penciptaan manusia ke muka bumi:

وَإِذْ قَالَ رَبُّكَ لِلْمَلَائِكَةِ إِنِّي جَاعِلٌ فِي الْأَرْضِ خَلِيفَةً ۗ قَالُوا أَتَجْعَلُ فِيهَا مَن يُفْسِدُ فِيهَا وَيَسْفِكُ الدِّمَاءَ  
وَنَحْنُ نُسَبِّحُ بِحَمْدِكَ وَنُقَدِّسُ لَكَ ۗ قَالَ إِنِّي أَعْلَمُ مَا لَا تَعْلَمُونَ ﴿٣٠﴾

Maksudnya: ‘Dan ingatlah ketika Tuhanmu berfirman kepada malaikat, ‘Aku hendak menjadikan khalifah di muka bumi. Mereka berkata, adakah Engkau hendak menjadikan orang yang akan merosakkan dan menumpahkan darah di sana, sedangkan kami sentiasa bertasbih dan menyucikanMu?. Allah berfirman; sesungguhnya Aku mengetahui apa yang tidak kamu ketahui’

(Al-Quran, Al-Baqarah 2 : 30).

يَا أَيُّهَا النَّاسُ إِنَّا خَلَقْنَاكُمْ مِنْ ذَكَرٍ وَأُنْثَىٰ وَجَعَلْنَاكُمْ شُعُوبًا وَقَبَائِلَ لِتَعَارَفُوا ۗ إِنَّ أَكْرَمَكُمْ عِنْدَ اللَّهِ أَتَقْوَىٰ ۗ  
إِنَّ اللَّهَ عَلِيمٌ خَبِيرٌ ﴿١٣﴾

Maksudnya: Wahai umat manusia! Sesungguhnya Kami telah menciptakan kamu dari lelaki dan perempuan, dan Kami telah menjadikan kamu berbagai bangsa dan bersuku puak, supaya kamu berkenal-kenalan (dan beramah mesra antara satu dengan yang lain). Sesungguhnya semulia-mulia kamu di sisi Allah ialah orang Yang lebih taqwanya di antara kamu, (bukan yang lebih keturunan atau bangsanya). Sesungguhnya Allah Maha Mengetahui, lagi Maha mendalam pengetahuannya (akan keadaan dan amalan kamu).

(Al-Quran, Al-Hujurat 49 : 13).

يٰۤاَيُّهَا النَّاسُ اتَّقُوا رَبَّكُمُ الَّذِي خَلَقَكُمْ مِنْ نَفْسٍ وَاحِدَةٍ وَخَلَقَ مِنْهَا زَوْجَهَا وَبَثَّ مِنْهُمَا رِجَالًا كَثِيرًا وَنِسَاءً ۗ  
وَاتَّقُوا اللَّهَ الَّذِي تَسَاءَلُونَ بِهِ وَالْأَرْحَامَ ۗ إِنَّ اللَّهَ كَانَ عَلَيْكُمْ رَقِيبًا ﴿١﴾

Maksudnya: Wahai sekalian manusia! Bertaqwalah kepada Tuhan kamu yang telah menjadikan kamu (bermula) dari diri yang satu (Adam), dan Yang menjadikan daripada (Adam) itu pasangannya (isterinya - Hawa), dan juga yang membiakkan dari keduanya - zuriat keturunan - lelaki dan perempuan yang ramai. dan bertaqwalah kepada Allah Yang kamu selalu meminta dengan menyebut-yebut namaNya, serta peliharalah hubungan (silaturrahim) kaum kerabat; kerana sesungguhnya Allah sentiasa memerhati (mengawas) kamu.

(Al-Quran, Al-Nisa' 4 : 1).

Ayat-ayat ini jelas menjawab akan tujuan penciptaan manusia ke muka bumi dan tujuan penciptaan ini tidak dinafikan oleh mana-mana manusia khususnya yang bergelar umat Islam. Dalam konteks hubungan manusia sesama manusia itu wujudnya istilah-istilah seperti perbandingan antara agama, dakwah Islamiyyah, dan istilah yang berkaitan dengannya. Manusia di sini bukan sahaja dirujuk kepada orang Islam sahaja, bahkan juga orang bukan Islam.

### 2.2.3 Toleransi Beragama

Toleransi diertikan sebagai pemberian kebebasan kepada sesama manusia atau kepada sesama warga masyarakat untuk mengatur hidupnya untuk mewujudkan perdamaian dalam masyarakat (Umar Hasyim, 1979). Pelaksanaan sikap toleransi ini harus didasari sikap berlapang dada terhadap orang lain dengan memperhatikan prinsip-prinsip yang dipegang sendiri, tanpa mengorbankan prinsip-prinsip tersebut (H.M Daud Ali, 1989). Jelas bahawa toleransi terjadi dan berlaku kerana terdapat perbezaan prinsip, dan menghormati perbezaan orang lain tanpa mengorbankan prinsip sendiri (Said Agil Husin, t.t.). Sebenarnya toleransi lahir dari Islam, seperti yang dijelaskan dalam Al-Qur'an dalam surat al-Hujurāt ayat 13 yang berbunyi:

يٰۤاَيُّهَا النَّاسُ اِنَّا خَلَقْنٰكُمْ مِنْ ذَكَرٍ وَّاُنْثٰى وَجَعَلْنٰكُمْ شُعُوْبًا وَّقَبَاۤىِٕلَ لِتَعَارَفُوْا ۗ اِنَّ اَكْرَمَكُمْ عِنْدَ اللّٰهِ اَتْقٰىكُمْ ۗ  
اِنَّ اللّٰهَ عَلِيْمٌ حَبِيْرٌ ﴿١٣﴾

Maksudnya: Wahai umat manusia! Sesungguhnya Kami telah menciptakan kamu dari lelaki dan perempuan, dan Kami telah menjadikan kamu berbagai bangsa dan bersuku puak, supaya

kamu berkenal-kenalan (dan beramah mesra antara satu dengan yang lain). Sesungguhnya semulia-mulia kamu di sisi Allah ialah orang yang lebih taqwanya di antara kamu, (bukan yang lebih keturunan atau bangsanya). Sesungguhnya Allah Maha Mengetahui, lagi Maha mendalam pengetahuannya (akan keadaan dan amalan kamu).

(Al-Qur'an, al-Anfal 49: 13)

Terdapat dua penafsiran tentang toleransi iaitu yang pertama adalah penafsiran negatif yang menyatakan bahawa toleransi itu cukup mensyaratkan adanya sikap membiarkan dan tidak menyakiti orang atau kelompok lain baik yang berbeza mahupun yang sama. Sedangkan, yang kedua adalah penafsiran positif iaitu menyatakan bahawa toleransi tidak hanya sekadar tidak menyakiti orang lain tetapi perlu kepada bantuan terhadap orang lain atau kelompok lain (Maskuri Abdullah, 2001). Selain itu toleransi mempunyai unsur-unsur yang harus ditekankan iaitu:

- a) Memberikan kebebasan atau kemerdekaan
- b) Mengakui hak setiap orang
- c) Menghormati keyakinan dan kepercayaan orang lain
- d) Saling memahami antara satu dengan yang lain.

Toleransi beragama bererti sikap lapang dada seseorang untuk menghormati dan membiarkan pemeluk agama lain untuk melaksanakan ibadah menurut ajaran dan ketentuan agama masing-masing tanpa ada gangguan. Masyarakat Islam memiliki sifat yang sangat toleransi terhadap berbagai kelompok sosial dan keagamaan, kerana hidup bermasyarakat merupakan suatu keperluan hidup manusia agar terbentuk suatu kehidupan berdasarkan persaudaraan, penuh kasih sayang dan harmoni (Abdul Rahman Rukaini, 2001).

Toleransi dalam Islam merupakan satu perkara yang sangat ditekan serta mempunyai beberapa asas yang perlu difahami di mana asas ini akan memperlihatkan bagaimana nilai toleransi boleh bermula, diamal atau dipraktik seterusnya menggambarkan betapa indah dan hikmahnya Islam sebagai ad-Din khususnya dalam menjalin hubungan dengan lain-lain agama dan kaum. Islam adalah agama yang sinonim dengan perkataan *mutasammihin* iaitu, pemaaf, penerima dan pemurah, tetapi ini bukan bermakna Islam menerima segala apa yang dilakukan, tetapi Islam menerima hanya perkara-perkara yang tidak bercanggah dengan agama sahaja. Sementara perkara yang bercanggah dengan agama, harus ditinggalkan (Abdul Rahman Rukaini, 2001).

Demikian juga bukan bermakna Islam mengaku kalah kepada musuh atau lawannya, sebaliknya *mutasammih* iaitu, pemaaf dan pemurah dalam Islam membuktikan bahawa Islam mempunyai kekuatan dalaman (jiwa) yang dapat mengawal nafsu amarahnya yang boleh mendatangkan kesan negatif kepada tindakannya. Ketenangan jiwa itu, merupakan tenaga yang dapat menundukkan dan mengalahkan musuh dengan kebijaksanaan dan sebagai benteng yang dapat menahan hasutan syaitan (Abdul Rahman Rukaini, 2001). Jelas terdapat sikap toleransi ini dalam al-Quran seperti di dalam firman-Nya yang berhubung galakan al-Quran terhadap amal kebajikan dan melakukan keadilan kepada pengikut agama lain yang tidak memerangi orang Islam kerana agamanya, terdapat firman Allah:

لَا يَنْهَىٰكُمْ اللَّهُ عَنِ الَّذِينَ لَمْ يُقَاتِلُوكُمْ فِي الدِّينِ وَلَمْ يُخْرِجُواكُم مِّن دِيَارِكُمْ أَن تَبَرُّوهُمْ وَتُقْسِطُوا إِلَيْهِمْ ۗ إِنَّ اللَّهَ يُحِبُّ الْمُقْسِطِينَ

(al-Quran, al-Mumtahanah 60:8)

Maksudnya:

Allah tidak melarang kamu daripada berbuat baik dan berlaku adil kepada orang-orang yang tidak memerangi kamu kerana agama (kamu), dan tidak mengusir kamu dari kampung halaman kamu; Sesungguhnya Allah mengasihi orang-orang yang berlaku adil.

لَكُمْ دِينُكُمْ وَلِيَ دِينِ ﴿٦١﴾

Maksudnya: Bagi kamu agama kamu, dan bagiku agamaku

(al-Quran, al-Kafirun 109:5)

لَا إِكْرَاهَ فِي الدِّينِ ۗ قَدْ تَبَيَّنَ الرُّشْدُ مِنَ الْغَيِّ ۚ فَمَن يَكْفُرْ بِالطَّاغُوتِ وَيُؤْمِرْ بِاللَّهِ فَقَدِ اسْتَمْسَكَ بِالْعُرْوَةِ  
الْوُثْقَىٰ لَا انفصامَ لَهَا ۗ وَاللَّهُ سَمِيعٌ عَلِيمٌ ﴿٢٥٦﴾

Maksudnya: Tidak ada paksaan Dalam ugama (Islam), kerana Sesungguhnya telah nyata kebenaran (Islam) dari kesesatan (kufur). oleh itu, sesiapa Yang tidak percayakan Taghut, dan ia pula beriman kepada Allah, maka Sesungguhnya ia telah berpegang kepada simpulan (tali ugama) Yang teguh Yang tidak akan putus. dan (ingatlah), Allah Maha Mendengar, lagi Maha mengetahui. baqarah

(al-Quran, al-Baqarah 2:256)

وَمِنْهُمْ مَّنْ يُؤْمِنُ بِهِءِ وَمِنْهُمْ مَّنْ لَا يُؤْمِنُ بِهِءِ ۗ وَرَبُّكَ أَعْلَمُ بِالْمُفْسِدِينَ ﴿٤٠﴾ وَإِنْ كَذَّبُوكَ فَقُلْ لِي عَمَلِي  
وَلَكُمْ عَمَلُكُمْ ۗ أَنْتُمْ بَرِيغُونَ مِمَّا أَعْمَلُ وَأَنَا بَرِيءٌ مِّمَّا تَعْمَلُونَ ﴿٤١﴾

Maksudnya: Dan di antara mereka ada Yang beriman kepada Al-Quran, dan ada di antaranya yang tidak beriman langsung kepadanya; dan (ingatlah), Tuhanmu lebih mengetahui akan orang-orang yang melakukan kerosakan.. Dan jika mereka terus-menerus mendustakanmu (Wahai Muhammad), maka katakanlah: "Bagiku amalku, dan bagi kamu pula amal kamu. kamu tidak bertanggungjawab akan apa yang Aku kerjakan, dan Aku juga tidak bertanggungjawab akan apa yang kamu kerjakan".-

(al-Quran, Yunus 10:40-41)

وَلَوْ شَاءَ رَبُّكَ لَأَمَنَّ مَن فِي الْأَرْضِ كُلَّهُمْ جَمِيعًا ۚ أَفَأَنْتَ تُكْرَهُ النَّاسَ حَتَّىٰ يَكُونُوا مُؤْمِنِينَ ﴿٩٩﴾

Maksudnya: (bukanlah tanggungjawabmu Wahai Muhammad menjadikan seluruh umat manusia beriman), jika Tuhanmu menghendaki nescaya berimanlah sekalian manusia Yang ada di bumi. (janganlah Engkau bersedih hati tentang kedegilan orang-orang Yang ingkar itu; kalau Tuhan tidak menghendaki) maka Patutkah Engkau pula hendak memaksa manusia supaya mereka menjadi orang-orang yang beriman?

(al-Quran, Yunus 10:99)

Demikian adalah sikap toleransi ini disebut dalam al-Quran. Menurut al-Qardawi, toleransi beragama dalam Islam dibahagikan kepada tiga peringkat iaitu pertama ialah peringkat toleransi yang paling rendah ialah dengan membiarkan orang yang berlainan agama dengan Islam kebebasan beragama dan memilih kepercayaannya sendiri, dan orang Islam tidak memaksanya agar menganuti agama ataupun mazhab orang Islam dengan berbagai pembalasan dan penekanan seperti ugutan bunuh, penyeksaan, merampas harta benda, buang daerah ataupun lain-lain sekiranya ia enggan. Tetapi biarpun begitu orang Islam tidak membenarkannya bebas melaksanakan kewajipan yang telah diwajibkan oleh aqidahnya sendiri, begitu juga orang Islam tidak membenarkannya meninggalkan apa saja yang dipercayainya haram ia melakukannya (Yusof al-Qardawi, 1989).

Kedua ialah peringkat toleransi yang sederhana ialah dengan memberikannya hak untuk menganut apa saja agama dan mazhab yang disukainya, kemudian orang Islam tidak

memaksanya agar meninggalkan sesuatu yang dipercayainya wajib atau melakukan sesuatu yang dipercayainya haram. Sebagai contoh iaitu seorang Yahudi yang percaya bahawa haram ke atasnya menjalankan kerja pada hari Sabtu, maka tidaklah harus dipaksanya supaya bekerja pada hari itu, kerana jika ia melakukannya juga maka ia akan merasa sebagai suatu penentangan terhadap agamanya. Jika seseorang itu penganut agama Kristian dan percaya bahawa ia wajib menghadiri gereja pada hari Ahad maka tidaklah harus dilarangnya pergi ke gereja pada hari itu (Yusof al-Qardawi, 1989).

Ketiga ialah peringkat toleransi yang paling tinggi ialah apabila seseorang Muslim tidak melarang orang yang berlainan agama dengannya melakukan sesuatu yang mereka percaya halal pada sisi agama dan mazhab mereka, biarpun kita mempercayai bahawa perkara itu adalah haram menurut agama dan mazhab kita (orang Islam). Inilah toleransi yang diamalkan oleh orang-orang Islam terhadap orang-orang yang berlainan agama dengan mereka yang terdiri dari ahl al-dhimmah. Dengan sikap begini orang-orang Islam sudah mencapai peringkat toleransi yang begitu tinggi. Orang Islam tidak pernah mengganggu apa yang pada kepercayaan orang lain halal di sisi agamanya, malahan orang Islam pula memberikannya kemudahan untuk ia melaksanakannya. Islam tidak pernah menyusahkannya, sama ada melalui larangan atau pengharaman, padahal orang Islam boleh mengharamkannya dengan alasan mengawal undang-undang negara dan agamanya dan mereka sama sekali tidak akan dituduh sebagai orang-orang yang terlalu fanatik ataupun tidak, kerana apa yang diharuskan oleh sesuatu agama tidak menjadi kemestian ke atas pengikut-pengikutnya melaksanakannya (Yusof al-Qardawi, 1989).

Sebagai contoh, agama Majusi mengharuskan seorang lelaki mengahwini ibunya atau saudara perempuannya, maka ia boleh juga berkahwin dengan orang lain selain dari ibu atau saudara perempuannya. Kalaulah agama Kristian menghalalkan daging babi maka seorang Kristian akan boleh hidup sepanjang umurnya tanpa memakan daging babi, kerana baginya masih banyak lagi daging-daging lain umpama daging lembu, kambing atau burung. Begitu juga dengan arak, sekalipun di dalam kitab Injil telah menetapkan hukuman harus meminumnya tetapi ini tidaklah menjadi satu fardhu keagamaan yang mewajibkan setiap orang Kristian meminumnya (Yusof al-Qardawi, 1989).

Sekiranya Islam mengatakan kepada orang-orang dhimmi, janganlah kamu mengahwini orang-orang yang muhrim dan janganlah pula kamu memakan daging babi dan meminum arak

untuk menjaga perasaan saudara-saudara kamu orang-orang Islam. Arahan begini tidaklah menimbulkan rasa tersinggung pada mereka kerana kalaulah mereka tidak melaksanakan perkara tersebut mereka tidaklah dianggap sebagai sudah melakukan suatu kemungkaran di sisi agama mereka dan tidak pula dianggap sudah mengabaikan suatu kewajipan suci. Walaupun demikian Islam tidak mengatakan begitu, Islam tidak mahu menyusahkan orang-orang bukan Islam di dalam sesuatu perkara yang pada kepercayaan mereka adalah halal dan dibolehkan. Islam menganggap apa yang dipercayai oleh mereka terhadap agama mereka adalah hak mereka untuk mengamalkannya (Yusof al-Qardawi, 1989).

Kesimpulannya, agama Islam yang berpaksikan kepada wahyu al-Quran dan as-Sunnah Rasulullah SAW merupakan sebuah agama yang sangat toleransi dan tinggi nilai diplomasinya. Namun dalam bersikap toleransi agama Islam tetap mempunyai ketegasan tersendiri yang bersifat bijaksana dan penuh hikmah bagi mengimbangi toleransi sesama umat Islam dan hubungan toleransi dengan agama-agama lain selain agama Islam.

#### **2.2.4 Dialog Antara Agama**

Dialog yang berterusan di antara pelbagai unsur agama, budaya dan pemikiran dalam sesebuah tamadun manusia akan menyumbang kepada pemupukan sikap persefahaman dan kewujudan suasana hidup harmoni dan sejahtera.

Dari perspektif Islam, pendekatan ini ialah sebahagian dari ajaran penting agama sebagaimana tergambar di dalam seruan al-Quran dan al-Hadis. Ini termasuklah dengan mengambil pandangan para sarjana dan ilmuwan Islam yang membahaskan definisi, konsep, pendekatan serta amalan dialog yang berlaku dalam sejarah Islam. Asasnya, Islam merintis amalan dialog antara agama menerusi amalan para rasul yang sentiasa berdialog dengan kaum mereka yang terdiri dari pelbagai fahaman dan agama. Dalam tradisi amalan dialog yang diamalkan oleh para Nabi dan Rasul, ia bukan sekadar bersifat interaksi semata-mata, akan tetapi berkait rapat dengan konsep dakwah dengan erti kata bertujuan mengajak kaum mereka yang berada kesesatan kepada jalan kebenaran.

Perbincangan mengenai konsep dialog dapat dilihat berdasarkan penggunaan frasa dialog (*hiwar*) melalui kata akarnya (*hawara*). Dalam al-Qur'an, ia digunakan pada tiga tempat. Pertama, perkataan *yuhāwiruhu* dalam ayat

وَكَانَ لَهُ ثَمَرٌ فَقَالَ لِصَاحِبِهِ وَهُوَ يُخَاوِرُهُ أَنَا أَكْثَرُ مَالًا وَأَعَزُّ نَفَرًا ﴿٣٤﴾

Maksudnya: "Tuan kebun itu pula ada mempunyai harta (yang lain); lalu berkatalah ia kepada rakannya, semasa ia berbincang dengannya: "Aku lebih banyak harta daripadamu, dan lebih berpengaruh dengan pengikut-pengikutku yang ramai".

(al-Qur'an, Surah al-Kahfi 18:34)

Kedua, perkataan *yuhāwiruhu* pada ayat ke-37 dalam surah yang sama, firman Allah SWT:

قَالَ لَهُ صَاحِبُهُ وَهُوَ يُخَاوِرُهُ أَكَفَرْتَ بِالَّذِي خَلَقَكَ مِنْ تُرَابٍ ثُمَّ مِنْ نُطْفَةٍ ثُمَّ سَوَّلَكَ رَجُلًا ﴿٣٧﴾

Maksudnya: "Berkatalah rakannya kepadanya, semasa ia berbincang dengannya: "Patutkah engkau kufur ingkar kepada Allah yang menciptakan engkau dari tanah, kemudian dari air benih, kemudian ia membentukmu dengan sempurna sebagai seorang lelaki?"

(al-Quran, Surah al-Kahfi 18:37)

Ketiga, perkataan *tahāwurakumā* dalam ayat:

قَدْ سَمِعَ اللَّهُ قَوْلَ الَّتِي تُجَادِلُكَ فِي زَوْجِهَا وَتَشْتَكِي إِلَى اللَّهِ وَاللَّهُ يَسْمَعُ تَخَاوَرُكُمْ إِنَّا اللَّهُ سَمِيعٌ

بَصِيرٌ ﴿٥٨﴾

Maksudnya: "Sesungguhnya Allah telah mendengar (dan memperkenalkan) aduan perempuan yang bersoal jawab denganmu (Wahai Muhammad) mengenai suaminya, sambil ia berdoa merayu kepada Allah (mengenai perkara yang menyusahkannya), sedang Allah sedia mendengar perbincangan kamu berdua. Sesungguhnya Allah Maha Mendengar, lagi Maha Melihat."

(al-Quran, Surah Al-Mujādilah 58:1).

Justeru, dialog adalah suatu perbualan antara dua pihak atau lebih bagi menyampaikan pandangan mereka. Dialog disertai oleh sikap keterbukaan dan kesediaan untuk mendengar pandangan pihak lain biarpun wujudnya perbezaan antara pandangan dalam topik yang dibincangkan. Berbeza dengan perdebatan yang lazimnya berpegang kepada pandangan peribadi dan disertai dengan sikap taasub terhadap apa yang dipegang. Bentuk dialog antara agama dalam al-Qur'an dirakamkan dalam banyak ayat, khususnya dengan menggunakan perkataan yang memberi maksud kepada dialog itu sendiri. Hal ini selaras dengan pandangan Ramli Awang (2008: XIII) bahawa ungkapan-ungkapan dalam al-Qur'an berbentuk *amr*



(perintah) dengan ungkapan *qul* (katakanlah), atau dalam bentuk seruan: *yā ayyuhā ladhina āmanū* (wahai orang-orang yang beriman), *yā ayyuhan nās* (wahai manusia), *yā ayyuhan nabiyy* (wahai Nabi) juga adalah sebahagian dari bentuk-bentuk dialog. Gambaran dialog antara agama dalam al-Quran dapat dilihat amalan dialog para Nabi dan Rasul dengan kaum mereka yang menganut agama yang berbeza. Bahkan Nabi SAW sering berdialog dengan golongan Ahli Kitab yang terdiri daripada Yahudi dan Nasrani, selain daripada penganut agama musyrik menyembah berhala. Abdullah (2007) dalam karyanya yang berjudul *al-Hiwār al-Dīnī al-Ibrāhīmī fī mīzān al-Qur’ān*, menggariskan satu daripada tujuh bentuk dialog dalam al-Qur’an adalah dialog dalam isu kepercayaan dan agama antaranya dalam kisah Nabi Nuh a.s dengan kaumnya yang musyrik seperti dalam firman Allah SWT:

وَلَقَدْ أَرْسَلْنَا نُوحًا إِلَىٰ قَوْمِهِ إِنِّي لَكُمْ نَذِيرٌ مُّبِينٌ ﴿٦١﴾ أَنْ لَا تَعْبُدُوا إِلَّا اللَّهَ إِنِّي أَخَافُ عَلَيْكُمْ عَذَابَ  
يَوْمِ الْبَاسِ ﴿٦٢﴾ فَقَالَ الْمَلَأُ الَّذِينَ كَفَرُوا مِنْ قَوْمِهِ مَا نَرَاكَ إِلَّا بَشْرًا مِثْلَنَا وَمَا نَرَاكَ إِلَّا  
الَّذِينَ هُمْ أَرَادُوا بِادِّى الرَّأْيِ وَمَا نَرَىٰ لَكُمْ عَلَيْنَا مِنْ فَضْلٍ بَلْ نَظُنُّكُمْ كَاذِبِينَ ﴿٦٣﴾ قَالَ يَتَقَوَّمُ  
أَرَأَيْتُمْ إِنْ كُنْتُ عَلَىٰ بَيِّنَةٍ مِّن رَّبِّي وَءَاتَنِي رَحْمَةً مِّنْ عِنْدِهِ فَعَمَّيْتُ عَلَيْكُمْ أَنْتُمْ كَرِهُونَ  
﴿٦٤﴾ وَيَتَقَوَّمُ لَا أَسْأَلُكُمْ عَلَيْهِ مَالًا إِنْ أَجْرِي إِلَّا عَلَى اللَّهِ وَمَا أَنَا بِطَارِدِ الَّذِينَ ءَامَنُوا إِنَّهُمْ مُلْتَقُوا رَبِّهِمْ  
وَلَكِنِّي أَرَاكُمْ قَوْمًا تَجْهَلُونَ ﴿٦٥﴾

Maksudnya: "Dan demi sesungguhnya! Kami telah utuskan Nabi Nuh lalu ia memberitahu kaumnya dengan berkata: "Sesungguhnya aku ini seorang Rasul pemberi amaran yang nyata kepada kamu." Iaitu janganlah kamu menyembah melainkan Allah; Sesungguhnya aku bimbang (jika kamu menyembah yang lainnya), kamu akan ditimpa azab yang tidak terperi sakitnya pada hari pembalasan". Maka berkatalah ketua-ketua yang kafir dari kaumnya: "Kami tidak memandangkanmu (Wahai Nuh) melainkan sebagai seorang manusia seperti kami; dan kami tidak nampak golongan yang mengikutmu melainkan orang-orang kami yang miskin hina, lagi berfikiran singkat; dan kami juga tidak memandang kamu (semua) mempunyai sebarang kelebihan yang mengatasi kami, bahkan kami menganggap kamu orang-orang pendusta". Nabi Nuh berkata: "Wahai kaumku! jika keadaanku berdasarkan bukti yang nyata dari Tuhanku, serta ia mengurniakan pangkat Nabi kepadaku dari sisiNya, kemudian bukti yang nyata itu menjadi kabur pada pandangan kamu (disebabkan keingkaran kamu yang telah sebat), maka adakah kamu nampak ada gunanya kami memaksa kamu menerima bukti itu sedang kamu tidak suka kepadanya? Dan (ketahuilah) wahai kaumku!

Aku tidak meminta kepada kamu sebarang harta benda sebagai upah menyampaikan agama Allah itu, tiadalah aku harapkan upahku melainkan dari Allah semata-mata; dan aku tidak akan menghalau orang-orang yang beriman (sebagaimana yang kamu minta itu), kerana Sesungguhnya mereka akan menemui Tuhan mereka (dan pada hari itu mereka akan menuntut dan menerima hak masing-masing); tetapi Aku nampak kamu semua, kaum yang tidak mengetahui apa yang mesti diketahui.” (Surah Hud 11:25-29)

Manakala dialog dengan golongan Ahli Kitab yang terdiri daripada penganut Yahudi dan Nasrani umpamanya dalam ayat:

وَقَالُوا لَنْ يَدْخُلَ الْجَنَّةَ إِلَّا مَنْ كَانَ هُودًا أَوْ نَصْرِيًّا تِلْكَ أَمَانِيُّهُمْ قُلْ هَاتُوا بُرْهَانَكُمْ إِنْ كُنْتُمْ صَادِقِينَ ﴿١١١﴾ بَلَىٰ مَنْ أَسْلَمَ وَجْهَهُ لِلَّهِ وَهُوَ مُحْسِنٌ فَلَهُ أَجْرُهُ عِنْدَ رَبِّهِ وَلَا خَوْفٌ عَلَيْهِمْ وَلَا هُمْ يَحْزَنُونَ ﴿١١٢﴾

Maksudnya: “(Apa yang kamu katakan itu tidaklah benar) bahkan sesiapa yang menyerahkan dirinya kepada Allah (mematuhi perintahNya) sedang ia pula berusaha supaya baik amalannya, maka ia akan beroleh pahalanya di sisi Tuhannya dan tidaklah ada kebimbangan (dari berlakunya kejadian yang tidak baik) terhadap mereka, dan mereka pula tidak akan berdukacita. Dan orang-orang Yahudi berkata: "Orang-orang Nasrani itu tidak mempunyai sesuatu pegangan (agama yang benar)"; dan orang-orang Nasrani pula berkata: "Orang-orang Yahudi tidak mempunyai sesuatu pegangan (agama yang benar)"; padahal mereka membaca kitab suci masing-masing (Taurat dan Injil). demikian juga orang-orang (musyrik dari kaum Jahiliyah) yang tidak berilmu pengetahuan, mengatakan seperti yang dikatakan oleh mereka itu. maka Allah akan menghukum (mengadili) di antara mereka pada hari kiamat mengenai apa yang mereka berselisihan padanya.” (Surah al-Baqarah 2:111-112).

Seterusnya terdapat dalam al-Quran yang memperkatakan tentang dialog-dialog nabi terdahulu dengan kaumnya. Firman Allah:

قَالَ يَنْقُومِ أَرْءَايْتُمْ إِنْ كُنْتُ عَلَىٰ بَيِّنَةٍ مِّن رَّبِّي وَءَاتَنِي مِنْهُ رَحْمَةً فَمَنْ يَنْصُرُنِي مِنَ اللَّهِ إِنْ عَصَيْتُهُ فَمَا تَزِيدُونِي غَيْرَ خُسْرٍ ﴿١٢٣﴾

Maksudnya: Nabi soleh berkata: "Wahai kaumku! Bagaimana fikiran kamu, jika Aku berada Dalam kebenaran Yang berdasarkan Bukti Yang nyata (mukjizat) dari Tuhanku, dan ia pula mengurniakan rahmat (pangkat nabi) kepadaKu sebagai pemberian daripadanya, maka siapakah Yang akan menolongku dari azab Allah kalau Aku menderhaka kepadanya? oleh

itu, kamu tidak menambah sesuatu kebaikan pun bagiku selain daripada perkara yang merugikan.

(al-Quran, Surah al-Hud 11:63).

Firman Allah:

فَقَالَ الْمَلَأُ الَّذِينَ كَفَرُوا مِنْ قَوْمِهِ مَا نَزَّلَكَ إِلَّا بَشَرًا مِثْلَنَا وَمَا نَزَّلَكَ إِلَّا الَّذِينَ هُمْ أَرَادُوا  
بَادِيَ الرَّأْيِ وَمَا نَرَى لَكُمْ عَلَيْنَا مِنْ فَضْلٍ بَلْ نَظُنُّكُمْ كَاذِبِينَ ﴿٦٣﴾

Maksudnya: Maka berkatalah ketua-ketua yang kafir dari kaumnya: "Kami tidak memandangi (Wahai Nuh) melainkan sebagai seorang manusia seperti kami; dan Kami tidak nampak golongan yang mengikutmu melainkan orang-orang Kami yang miskin hina, lagi berfikiran singkat; dan Kami juga tidak memandangi kamu (semua) mempunyai sebarang kelebihan yang mengatasi kami, bahkan Kami menganggap kamu orang-orang pendusta".

(al-Quran, Surah al-Hud 11:27).

Selain itu, Nabi SAW pernah didatangi seramai dua puluh orang lelaki Nasrani dari Habsyah bertujuan untuk berdialog dengan baginda SAW. Setelah selesai mereka berkata apa yang dikehendaki, Rasulullah SAW pula menyampaikan kata-katanya berupa seruan kepada Islam dengan membacakan ayat-ayat al-Qur'an. Terkesan daripada apa yang disampaikan oleh Rasulullah SAW, kesemuanya memeluk ajaran Islam. Bahkan ketika peristiwa Hijrah ke Habsyah, sahabat Nabi SAW yang bernama Ja'far bin Abu Thalib berdialog dengan Raja Najasyi sehinggalah membawa kepada pengislamannya

Daripada perbahasan di atas, konsep dialog dalam hadis secara asasnya adalah tidak jauh daripada apa yang dibincangkan dalam al-Qur'an, itu interaksi antara dua pihak dengan tujuan berkongsi pandangan dan pengajaran. Perbahasan dialog antara agama dalam hadis juga merujuk kepada sesuatu keadaan dan tidak terpisah dari konteks dakwah, baik dalam bentuk perdebatan, peringatan, nasihat, atau perbualan secara umum. Kerana itu al-Qur'an menekankan penyertaan sifat 'al-hikmah' dalam berdialog, manakala hadis memanifestasikan penggunaan 'al-hikmah' dalam dialog menerusi amalan Nabi SAW dan sebahagian para sahabat dalam berdakwah.

### 2.3 Hasil Kajian Rintis

Kajian rintis adalah suatu percubaan awal terhadap instrumen yang akan digunakan dalam suatu penyelidikan untuk melihat kembali kesahan dan kebolehpercayaan instrumen tersebut (Cooper dan Schindler, 2001). Kajian rintis perlu dilakukan sebelum responden kajian sebenar menjawab soal selidik yang dijalankan. Ia bertujuan untuk mengenal pasti soalan-soalan yang boleh menimbulkan kekeliruan dan keraguan dan kesesuaian dengan objek kajian tersebut.

Soal selidik yang digunakan dalam kajian rintis ini telah diedarkan kepada 55 orang pelajar di Universiti Kebangsaan Malaysia. Bahagian A adalah berkaitan maklumat sosiodemografi, bahagian B berkaitan pengetahuan tentang ilmu perbandingan agama yang mempunyai 17 item. Manakala bahagian C pula berkaitan kefahaman mahasiswa berkaitan isu-isu perbandingan agama yang mengandungi 20 item dan bahagian D adalah berkaitan penghayatan mahasiswa berkaitan ilmu perbandingan agama.

Jadual 1: Nilai Alpha.

<b>Indikator</b>	<b>Nilai Alpha</b>
Sangat Tinggi	>0.90
Tinggi	0.70 – 0.89
Sederhana	0.30 – 0.69
Rendah	0.30

Hasil analisis nilai kebolehpercayaan instrumen yang digunakan dalam kajian ini adalah sebagaimana jadual di bawah.

Jadual 2: Nilai Alpha Cronbach dan interpretasi bagi setiap konstruk.

Bil	Konstruk	Bilangan item	Alpha Cronbach	Interpretasi
1	Pengetahuan Ilmu perbandingan agama	18	0.9	Sangat Tinggi
2	Kefahaman Mahasiswa	20	0.9	Sangat Tinggi
3	Penghayatan Mahasiswa	17	0.889	Tinggi

Melalui dapatan kajian rintis pengkaji boleh memastikan pengkaji bersedia untuk menjalankan kajian. Masa yang diperlukan untuk mengedarkan soal selidik sebenar adalah sebulan iaitu pada bulan Mei.

Dalam konteks kajian ini, pengkaji telah menggunakan dua bentuk kesahan, untuk memastikan instrumen kajian dapat mengukur apa yang sepatunya diukur. Kesahan tersebut ialah kesahan kandungan (*content validity*) dan kesahan gagasan/konstruk (*construct validity*).

Kesahan kandungan dikatakan tinggi apabila ujian tersebut dapat mengukur semua kandungan bidang yang dikaji dengan berkesan (Sabitha, 2005). Bagi mengukur kesahan konstruk pula ialah berkaitan dengan persoalan sama ada terdapat atau tidak bukti yang menyokong bahawa skor ujian dalam instrumen dapat mengukur konstruk kajian. Kesahan konstruk mewakili konstruk dan sub konstruk sebenar-benarnya (Wiersma, 2000). Dalam kajian ini kesahan konstruk soal selidik dilakukan dengan melaksanakan kajian rintis terhadap sampel yang sama bagi mewakili sampel sebenar.

### 3.0 KESIMPULAN

Hasil kajian rintis ini dapat membantu memberikan gambaran umum mengenai kefahaman ilmu perbandingan agama dalam kalangan mahasiswa di institut pengajian tinggi Awam di negeri Selangor. Namun, penyediaan laporan kajian keseluruhan perlu dibentang dan dikongsi kepada pihak-pihak yang berwajib bagi merangka program-program pendidikan yang menyeluruh demi keharmonian masyarakat Malaysia yang berbilang agama, bangsa dan kaum.

## RUJUKAN

Al-Quran al-Karim

- Ab. Aziz Mohd Zin et al . “Perasaan Orang Bukan Islam Terhadap Laungan Suara, Baca dan Aktiviti Masjid di Negeri Selangor Darul Ehsan”, Jurnal Usuluddin, Bil 27(2008),109-119.
- Abdul Rahman Rukaini. 2001. Siri Teras Ulum Islamiah:Akhhlak Membangun Jati Diri. Kajang:Synergymate Sdn. Bhd.
- Adnan Kamis. 1991. *Latar Belakang Sosial, Sikap Prasangka atau Toleransi Terhadap Integrasi Nasional*. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Aemy Elyani Mat Zain & Nur Azimah Abdul Aziz. 2017. Integrasi Antara Dakwah dan Perbandingan Agama: Tinjauan Literatur. Pesidangan Antarabangsa Sains Sosial dan Kemanusiaan. 26-27 April.
- Amini Amir , “ Islamic Revivalism, Religious Freedom and the Non-Muslims in Malaysia: A Preliminary Discussion”, *Pertanika Journal Social Sciences & Humanities* 11(2) (2003), 119-134.
- Azhar Ahmad. 2006. Strategi pembelajaran dan pengaturan sendiri pendidikan Islam dan penghayatan akhlak pelajar sekolah menengah. Tesis Dr. Fal, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Azizan Baharuddin, Zaid Ahmad, Ahmad Tarmizi Talib, Jayum Anak Jawan, Sarjit Singh Darshan Singh, Nurdeng Deuraseh, Ahmad Nasir Mohd Yusoff, Adlina Abd.Halim, Arfah Ab.Majid, Daud Awang, Mohd Sani Badron, Mohd Zaidi Ismail, Mohd Farid Mohd Shahrhan, Wan Azhar Wan Ahmad, Enizahura Abdul Aziz, Abd Hakin Mohad, Fatahyah Yahya, Nur Ayuni Mohd Isa, Soffizzan Abdul Rahman dan Ahamd Adib Akhyar Aminarrashid. *Laporan penyelidikan Kajian Isu dan Cabaran Hubungan antara Penganut Agama di Malaysia* (2014). Kerjasam Institut Kefahaman Islam Malaysia (IKIM), Universiti Putra Malaysia (UPM). Sokongan Majlis Kebangsaan Islam (MKI), Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional (JPNIN) dan Jawatankuasa Mempromosikan Persefahaman dan Keharmonian antara Penganut Agama (JKMPKA). Hlm.1-151
- Bidmoss, M.A. 2006. *Inter-religious Dialogue: The Nigerian Experience*. Abuja: Panaf Publishing, Inc.
- Ghazali Basri, “A Comparative Study on Religious Tolerance in Post -Independence Malaysia and Nigeria with Special Reference to Christian and Muslim Relation”!. Tesis Dr. Falsafah, University Aberden, 1987), 274-275. ‘
- John W. *Creswell* .2000. *Mixed Methods Research & Mixed Methods Reader*. T.tp: SAGE Publication
- Khadijah Mohd Khambali @ Hambali & Khairulnizam Mat Karim. 2006. *Dialog Antara Agama: Realiti, Aplikasi dan Cabaran*. Kertas kerja seminar Islam dan hubungan antara agama di Malaysia peringkat kebangsaan. Vol.1 & 2. Anjuran Jabatan Akidah dan Pemikiran Islam, Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya. Kuala Lumpur. 18-19 Januari

- Khadijah Mohd Khambali@Hambali dan Mohd Herzali Mohd Haled, “Toleransi Beragama Dan Amalannya Di Malaysia: Rujukan Kepada Artikel 11 Perlembagaan Malaysia”, iurnal Usuluddin, Bil 27 (2008), 81-92.
- Khairulnizam Mat Karim “Realiti Aplikasi Dialog Antara Agama di MalaysiaKajian Inter-Faith Spiritual Fellowship (INSaF) dan Pusat Dialog Peradaban, Universiti Malaya”.(Disertasi Ijazah Sarjana Usuluddin, Jabatan Aqidah dan Pemikiran Islam, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, 2005)
- Mohd Najib Abdul Ghafar. 2003. Reka Bentuk Tinjauan sSoal Selidik Pendidikan. Skudai: Penerbit Universiti Teknologi Malaysia
- Muammar Pulungan. Keunggulan Memahami Agama Berdasarkan Metodologi Perbandingan Agama Syahid. Jurnal Hikmah, Vol. VIII, No. 01 Januari 2014, 84-97
- Munawar Ahmad Anees, Syed Z. Abedin & Ziauddin. 1991. *Dialog Muslim - Kristen: Dulu, Sekarang, Esok*. Yogyakarta: Penerbit Qalam.
- Mutsalim Khareng dan Jaffary Awang (2014). *Toleransi Beragama dan Implikasinya dalam kalangan Mahasiawa/i Muslim dan Buddha di Prince of Songkhla University*. Dalam Journal of Islamic and Arabic Education 5(@),1-14. ISSN: 1985-6326. Hlm. 1-14
- Sabitha Marican. 2006. Penyelidikan Sains Sosial: Pendeatan Pragmatik. Selangor: Edusystem Sdn. Bhd.
- Siddiqui, Ataullah. 1997. *Christian - Muslim Dialogue in the Twentieh Century*. London: Macmillan Press LTD.
- Swearer, K. Donald. 1977. *Dialogue: The Key to Understanding Other Religions*. Philadelphia: The Westminster Press.
- Syed Farid Alatas. 2008. *An Islamic Perspective on the Comitment to Inter-Religious Dialogue*. Kuala Lumpur: International Institute of Advanced Islamic studies (IAIS).
- Taslim HM.Yasin. 2011. *Membangun Hubungan Antara Agama Mewujudkan Dialog Dan Kerjasama*. Jurnal Substantia, vol. 12, no.1, hlm.85-91
- Wan Mohd Fazrul Azdi W.Razali. 2017. *Tema-Tema Ilmu Kajian Agama Dalam Muqaddimah Ibn Khaldun: Satu Perbahasan Ringkas*. Dalam Prosiding Seminar Tamadun, Etnik dan Turath Islami (I-STET), 30 Sept dan 1 Okt.
- Wan Mohd Fazrul Azdi Wan Razali, Mohd Rosmizi Abd Rahman dan Jaffary Awang. 2017. *Watt’s View On The Muslim Heritage In The Study Of The Other Religions: A Critical Analysia Dalam Al-Itqan*: Journal of Islamic Sciences and comparative studies, vol.1,issue 1, hlm21-42